

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RMK 151 - Ekonomi Bangunan 1

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Pilih sekurang-kurangnya DUA soalan dari setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

1. a) Apakah yang dimaksudkan dengan Ekonomi Kapitalis?

( 5 markah )

b) Tunjukkan bagaimana campurtangan kerajaan mempengaruhi sistem harga pasaran.

( 15 markah )

2. a) Apakah ciri-ciri pasaran saingan sempurna?

( 5 markah )

b) Mengapa anda seharusnya menganggap kadar untung dalam pasaran monopoli adalah lebih tinggi dari kadar untung dalam pasaran saingan sempurna?

( 15 markah )

3. a) Terangkan mengapa teori asas keluk permintaan harga menurun dari kiri ke kanan.

( 10 markah )

b) Bagaimanakah perubahan dalam tingkat pendapatan boleh mempengaruhi permintaan terhadap sesuatu barang?

( 10 markah )

4. a) Huraikan perbezaan di antara bayaran pindahan dan sewa ekonomi.

( 5 markah )

b) Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan upah antara individu.

( 15 markah )

BAHAGIAN B

5. a) Terangkan peranan industri binaan dalam ekonomi Malaysia.

( 10 markah )

b) Terangkan pentingnya pihak awam sebagai klien utama dalam industri binaan.

( 10 markah )

6. Nyatakan ciri-ciri yang mempengaruhi permintaan terhadap

a) perumahan

b) bangunan industri dan perniagaan

c) bangunan kemudahan awam dan sosial

( 20 markah )

7. Terangkan bagaimana permintaan untuk perumahan dipengaruhi oleh

a) paras pendapatan isi rumah

( 10 markah )

b) kadar pencukaian

( 10 markah )

8. Secara ringkas, terangkan istilah-istilah berikut:

a) Firma binaan

b) Perunding ikhtisas

c) Pemaju spekulatif

d) Pelaburan modal (Capital Investment)

e) Perinsip pencepatan (Accelaration Principle)

( 20 markah )